

23/05/1998

Kemenangan BN jadi agenda utama

Lichong Angkui; Johary Indan

KOTA KINABALU, Jumaat - Peralihan kuasa Ketua Menteri Sabah kepada pemimpin Bumiputera bukan Islam minggu depan, harus disusuli dengan komitmen semua pimpinan Barisan Nasional (BN) bagi menjamin kemenangan dalam pilihan raya negeri tidak lama lagi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, berkata soal pilihan raya harus dijadikan agenda bersama parti komponen kerana BN perlu mencapai kemenangan bagi menjamin kesinambungan program pembangunan untuk rakyat.

Sambil mengalu-alukan pelantikan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah, Tan Sri Bernard Dompok sebagai Ketua Menteri baru menggantikan Datuk Yong Teck Lee, beliau berkata tugas dan tanggungjawab BN sekarang ialah memastikan kemenangan dalam pilihan raya negeri akan datang.

"Pelantikan Ketua Menteri baru sudah dibuat. Justeru, tumpuan seharusnya diberi kepada pilihan raya negeri yang akan diadakan tidak lama lagi kerana BN perlu menang.

"Selain menunaikan janji penggiliran jawatan itu, BN kini dilihat sebagai parti yang membawa kemajuan secara efektif membela nasib rakyat," katanya pada sidang akhbar di sini, petang ini.

Pelantikan Dompok sebagai Ketua Menteri Sabah ke-11 diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur, semalam.

Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) akan menggantikan Yong yang tamat penggal pemerintahan dua tahun pada 28 Mei ini.

Osu yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata, soal penting sekarang ialah persiapan menghadapi pilihan raya negeri kerana penggal pemerintahan kerajaan sekarang dijadualkan berakhir pada Mac depan.

Menurut beliau, Umno Sabah awal lagi sudah memberi mandat kepada Presiden untuk membuat keputusan dan akur dengan pelantikan yang dibuat.

Mengenai rombakan Kabinet negeri, Osu berkata, terserah kepada Ketua Menteri baru untuk menentukannya sendiri.

Katanya, rombakan mungkin dilakukan dan soal menentukan kuota parti dalam susunan Kabinet tentunya mengambil kira semua kaum akan diwakili.

Bagaimanapun, setiap keputusan yang dibuat kelak mungkin tidak memuaskan hati semua pihak terbabit.

"Hakikatnya di Sabah, hanya BN dapat menjamin keselamatan rakyat dan ekonomi selain membawa kestabilan politik," katanya.

Sementara itu, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Lajim Ukin, pada sidang akhbar di kediamannya turut mengalu-alukan pelantikan Dompok sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru.

Menurutnya, pelantikan itu sekali gus membuktikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan janji yang dibuat ketika pilihan raya negeri pada 1994 untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah.

Lajim yang baru pulang selepas mendapatkan rawatan bagi mengubati penyakit buah pinggang di China semalam, yakin Dompok mampu melaksanakan tugasnya dengan baik dan berkesan mentadbir negeri ini.

Ini, katanya, berdasarkan pengalaman beliau sebagai menteri Kabinet di peringkat negeri dan Pusat sebelum ini.

Sehubungan itu, beliau berjanji akan memberikan sokongan baik terhadap kepemimpinan Dompok sebagai Ketua Menteri dalam usaha meneruskan pelan pembangunan yang dirancang BN di negeri ini.

(END)